



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ANALISIS INDEKS HARGA PENGELUAR TAHUNAN

ANALYSIS OF ANNUAL PRODUCER PRICE INDEX

2023

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement :

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Diterbit dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / <i>Email</i>	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general inquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Oktober 2024 / *Published in October 2024*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2811 - 4507

KATA PENGANTAR

Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2023 diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang memaparkan statistik tahunan bagi siri masa 2011 hingga 2023 merangkumi dua statistik utama iaitu Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan dan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP).

Penyusunan statistik IHPR Pengeluaran Tempatan adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Producer Price Index Manual: Theory and Practice, 2004* yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund* (IMF), manakala IHPRP pula merujuk kepada *Methodological Guide for Developing Producer Price Indices for Services* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation & Development* (OECD), Eurostat dan joint Eurostat-OECD Task Force.

IHPR Pengeluaran Tempatan mengukur purata perubahan harga barangan di peringkat pengeluar yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dalam sesuatu industri. Indeks ini merangkumi lima sektor iaitu Pertanian, perhutanan & perikanan, Perlombongan, Pembuatan, Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. Manakala IHPRP mengukur perubahan harga yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan. Indeks ini merangkumi lapar subsektor perkhidmatan terpilih iaitu Pengangkutan, Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman, Maklumat & komunikasi, Aktiviti hartanah, Profesional, Pendidikan, Kesihatan dan Kesenian, hiburan & rekreasi.

Setiap bahagian dalam penerbitan ini dilengkapi dengan infografik, ringkasan penemuan, jadual statistik dan nota teknikal yang menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang dikeluarkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Oktober 2024

PREFACE

The Analysis of Annual Producer Price Index, 2023 published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) which presents annual statistics for the time series of 2011 to 2023 includes main statistics, namely Producer Price Index (PPI) Local Production and Services Producer Price Index (SPPI).

The statistics compilation of PPI Local Production is based on concepts and guidelines from the Producer Price Index Manual: Theory and Practice, 2004 published by the International Monetary Fund (IMF), while the SPPI refers to the Methodological Guide for Developing Producer Price Indices for Services published by the Organisation for Economic Co-operation & Development (OECD), Eurostat and a joint Eurostat-OECD Task Force.

PPI Local Production measures the average price changes of goods at the producer level charged by local producers in the industry. The index covers five sectors: Agriculture, forestry & fishing, Mining, Manufacturing, Electricity & gas supply and Water supply. Meanwhile, SPPI measures changes in prices charged by the local services industry. The index covers eight selected services sub-sectors, namely Transportation, Accommodation and food & beverage service activities, Information & communication, Real estate activities, Professional, Education, Health and Arts, entertainment & recreation.

Each section in this publication is provided with infographics, summary of findings, statistical tables and technical notes that explain the concepts and definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. The feedback and suggestion to improve in the future are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

October 2024

KANDUNGAN

CONTENT

INDEKS HARGA PENGELUAR

PRODUCER PRICE INDEX

01	Sepintas Lalu3
	<i>Snapshot</i>4
02	Ringkasan Penemuan7
	<i>Summary of Findings</i>26
03	Rencana18
	<i>Article</i>37
04	Jadual IHPR47
	<i>PPI Tables</i>47
05	Nota Teknikal69
	<i>Technical Notes</i>77

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

INDEKS HARGA PENGELUAR

PRODUCER PRICE INDEX

Jadual Table		Muka Surat Page
1	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (MSIC 2008), Seksyen Barangan (SITC 4.0) dan Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2023 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (MSIC 2008), Commodity Section (SITC 4.0) and Stage of Processing, Malaysia, 2011-2023</i>	47
2	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (MSIC 2008), Seksyen Barangan (SITC 4.0) dan Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2023 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector (MSIC 2008), Commodity Section (SITC 4.0) and Stage of Processing, Malaysia, 2011-2023</i>	48
3	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023</i>	49
4	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023</i>	55
5	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2023 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing, Malaysia, 2011-2023</i>	61
6	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2023 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Stage of Processing, Malaysia, 2011-2023</i>	63
7	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Ekonomi Domestik mengikut Sektor (MSIC 2008) dan Seksyen Barangan (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2023 <i>Producer Price Index (PPI) Domestic Economy by Sector (MSIC 2008) and Commodity Section (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2023</i>	65
8	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Ekonomi Domestik mengikut Sektor (MSIC 2008) dan Seksyen Barangan (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2023 <i>Annual Percentage Change of PPI Domestic Economy by Sector (MSIC 2008) and Commodity Section (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2023</i>	66




SEPINTAS LALU

SNAPSHOT







IHPR MENGIKUT SEKTOR



IHPR PENGELUARAN TEMPATAN 2023

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan menurun negatif 1.9 peratus pada tahun 2023

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN






@StatsMalaysia




PPI BY SECTOR




PPI LOCAL PRODUCTION 2023

Producer Price Index (PPI) Local Production decreased by negative 1.9 per cent in 2023

PPI BY STAGE OF PROCESSING



PPI LOCAL PRODUCTION, 2011 - 2023



Source: Analysis of Annual Producer Price Index 2023, Department of Statistic Malaysia (DOSM)



RINGKASAN PENEMUAN

***SUMMARY OF
FINDINGS***



Pengenalan

Ekonomi global perlahan kepada 3.1 peratus pada 2023 berbanding 3.5 peratus pada 2022. Memandangkan landskap global terus mengalami perubahan kadar pertumbuhan yang turun naik, ekonomi global dijangka menunjukkan pertumbuhan yang sederhana. Kadar pertumbuhan ini dijangka kekal konsisten pada tahun-tahun akan datang¹. Ketakpastian adalah kekal, menyebabkan *International Monetary Fund* (IMF)² meramalkan kadar pertumbuhan global sebanyak 3.2 peratus pada 2024 dan 2025. Ramalan ini mengambil kira pemulihan yang perlahan daripada pandemik global, konflik geopolitik yang berterusan dan kenaikan kadar faedah oleh negara lain bagi mengawal inflasi.

Di sebalik ketidakpastian dalam ekonomi dunia, dengan permintaan global yang rendah dan gangguan dalam pengeluaran komoditi, ekonomi Malaysia terus berkembang 3.7 peratus pada 2023. Selain itu, pertumbuhan dalam perbelanjaan pelaburan dan penggunaan juga mendorong permintaan domestik Malaysia pada tahun 2023. Ini juga dibantu oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, tekanan inflasi yang sederhana dan industri pelancongan yang berkembang. Bank Dunia³ mengunjurkan dengan permintaan domestik yang kukuh akan memacu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara untuk berkembang sebanyak 4.3 peratus pada 2024.

Menurut *World Economic Outlook*, harga komoditi yang lebih rendah dan situasi rantai bekalan yang normal membantu mengurangkan inflasi keseluruhan global, namun ia kekal tinggi. Konflik Timur Tengah dan pengurangan pengeluaran Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC+) menyumbang kepada kenaikan harga minyak, dengan peningkatan pengeluaran daripada negara bukan pengeluar OPEC. Justeru, IMF⁴ mengunjurkan inflasi global meningkat secara perlahan, daripada 6.8 peratus pada 2023 kepada 5.9 peratus pada 2024 dan 4.5 peratus pada 2025, dengan negara maju kembali kepada sasaran inflasi mereka lebih awal berbanding pasaran sedang membangun dan ekonomi membangun. Inflasi teras secara amnya, diunjurkan meningkat secara perlahan. Inflasi teras yang berterusan ini telah mengambil kira inflasi perkhidmatan, dipacu oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan, pertumbuhan gaji yang lebih kukuh daripada jangkaan dan putaran perbelanjaan berterusan daripada barangan kepada perkhidmatan yang memberi tekanan ke atas harga.

¹ Merujuk kepada *Economic and Monetary Review 2023* oleh Bank Negara Malaysia, Mac 2024

² Merujuk kepada *World Economic Outlook*, Julai 2023 dan *Economic Outlook 2024* oleh MOF

³ Merujuk kepada *The World Bank Report*, April 2024 dan *Economic Outlook 2024* oleh MOF

⁴ Merujuk kepada *World Economic Outlook*, April 2024

Harga Komoditi Global 2023 dan Unjuran

Harga komoditi, seperti yang diukur melalui indeks harga komoditi Bank Dunia⁵, diunjurkan menurun 4.0 peratus pada 2024 selepas jatuh hampir 24.0 peratus pada 2023. Ini adalah penurunan paling rendah sejak pandemik COVID-19. Selain itu, harga tenaga juga dijangka jatuh pada 2024 dan kekal mendatar pada 2025.

Harga minyak Brent telah meningkat dengan ketara majoriti berlegar sekitar USD80 setong pada 2023. Purata harga minyak mentah Brent adalah USD83 setong pada 2023, turun daripada USD100 setong pada 2022. Harga komoditi bahan api diunjurkan menurun pada 2024 pada purata 9.7 peratus, dengan harga minyak turun kira-kira 2.5 peratus. Penurunan ini mencerminkan kapasiti ruang yang banyak dan pertumbuhan bekalan bukan OPEC+ (Organisasi Negara Pengeksport Petroleum serta negara bukan ahli terpilih, termasuk Rusia) yang stabil.

Harga gas asli dijangka terus menurun pada 2024 berbanding 2023. Wood Mackenzie⁶ meramalkan harga 2024 lebih rendah berbanding 2023 sebanyak 45.0 peratus, dan dijangka kekal sederhana pada 14 juta tan pada 2024, dengan pasaran gas menjadi semakin seimbang berikutan bekalan baharu, permintaan yang lembap dan penyimpanan yang tinggi. Walaupun permintaan gas asli cecair Asia kekal rendah, prestasi ianya tidak mungkin meningkat.

Harga makanan global turun sebanyak 13.7 peratus pada 2023, menurut Indeks Harga Makanan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO)⁷. Harga komoditi makanan diramalkan menurun 2.2 peratus pada 2024. Berdasarkan IMF⁸, ramalan harga makanan telah disemak semula dengan penurunan perlahan, didorong oleh jangkaan bekalan global yang stabil bagi gandum dan jagung.

Pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia pada 2023 pulih berbanding pengeluaran 2022, yang membawa kepada harga minyak sawit mentah yang menyederhana kepada RM3,800 satu tan pada 2023. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengunjurkan harga minyak sawit mentah lebih kukuh berbanding tahun sebelumnya, dengan harga julat purata antara RM3,900 hingga RM4,200 satu tan pada 2024. Menurut MPOB, antara faktor yang mempengaruhi pengukuhan harga purata minyak sawit mentah pada 2024 adalah jangkaan bekalan minyak sawit terhad di dunia berikutan pelaksanaan mandat biodiesel B35 di Indonesia.

⁵ Merujuk kepada *Commodity Markets Outlook* oleh *The World Bank*, Mei 2024

⁶ Merujuk kepada kenyataan media Wood Mackenzie press release, January 2024

⁷ Merujuk kepada *Food and Agriculture Organisation (FAO) Food Price Index*, Januari 2024

⁸ Merujuk kepada *World Economic Outlook Update*, Januari 2024


Indeks Harga Pengeluar Keseluruhan 2023

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan turun negatif 1.9 peratus pada 2023 selepas peningkatan 7.8 peratus pada 2022. Ini adalah penurunan pertama sejak 2020 berikutan harga komoditi utama Malaysia yang lebih rendah. Harga komoditi pada 2023 tidak menentu disebabkan ketidakpastian harga, terutamanya dalam pasaran produk petroleum.


[Carta 1]

IHPR Pengeluaran Tempatan bermula dengan momentum positif dengan merekodkan peningkatan 1.3 peratus pada Januari 2023 berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, indeks itu menguncup bermula pada Februari 2023 (-0.8%) hingga Ogos 2023 (-2.2%) dan kembali kepada aliran menurun dari Oktober 2023 (-0.3%) hingga akhir tahun 2023. IHPR terendah dicatatkan pada Jun 2023 (-4.8%) dan tertinggi pada Januari 2023 (1.3%). Penurunan itu disebabkan terutamanya oleh harga komoditi utama yang lebih rendah melibatkan produk minyak sawit dan minyak mentah. [Carta 2]

Carta 1: IHPR Pengeluaran Tempatan Tahunan, 2011-2023



Carta 2: IHPR Pengeluaran Tempatan Bulanan, 2023




Indeks Harga Pengeluar mengikut Sektor

IHPR Pengeluaran Tempatan turun negatif 1.9 peratus pada 2023 (2022: 7.8%) disebabkan terutamanya oleh penguncupan dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan iaitu negatif 13.8 peratus daripada peningkatan 1.3 peratus pada 2022. Sektor Perlombongan juga menurun negatif 5.9 peratus berbanding 12.6 peratus pada 2022. Dalam masa yang sama, sektor Pembuatan mencatatkan penurunan perlahan negatif 0.2 peratus berbanding kenaikan 8.4 peratus pada 2022. Bagaimanapun, sektor utiliti kekal positif pada 2023, dengan Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 0.4 peratus dan 2.4 peratus. [Carta 3]

Jadual 1: IHPR mengikut Sektor, 2022 dan 2023

Sektor	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Jumlah	120.8	118.5	7.8	-1.9
Pertanian, perhutanan & perikanan	144.7	124.8	1.3	-13.8
Perlombongan	104.2	98.1	12.6	-5.9
Pembuatan	120.8	120.5	8.4	-0.2
Bekalan elektrik & gas	117.4	117.9	0.7	0.4
Bekalan air	115.2	118.0	2.6	2.4

Carta 3: Perubahan Peratus Tahunan IHPR mengikut Sektor, 2022 dan 2023




A Pertanian, Perhutanan & Perikanan

Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan merosot dua digit negatif 13.8 peratus pada 2023, selepas peningkatan 1.3 peratus pada 2022. Sebagai komponen terbesar dalam sektor ini, penurunan dua digit dalam indeks Penanaman tanaman kekal sebanyak negatif 23.1 peratus (2022: -0.7%) membawa kepada kemerosotan keseluruhan sektor ini. Penurunan indeks ini disebabkan terutamanya oleh Buah tandan kelapa sawit segar yang mengalami penurunan indeks sebanyak negatif 24.8 peratus (2022: -0.5%). Penanaman tanaman tidak kekal juga turun negatif 1.0 peratus selepas peningkatan 4.2 peratus pada 2022. Sementara itu, subsektor lain mencatatkan peningkatan pada 2023. Pengeluaran ternakan meningkat 6.8 peratus (2022: 4.5%) dan Pembalakan mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 10.0 peratus (2022: 9.1%). Dalam masa yang sama, indeks Perikanan terus meningkat 6.4 peratus (2022: 7.2%) dan Akuakultur meningkat 2.8 peratus (2022: 4.0%). **[Carta 4]**

Jadual 2: Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan, 2022 dan 2023

Sektor (A)	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Pertanian, perhutanan & perikanan	144.7	124.8	1.3	-13.8
Penanaman tanaman tidak kekal	144.2	142.7	4.2	-1.0
Penanaman tanaman kekal	145.1	111.6	-0.7	-23.1
Pengeluaran ternakan	131.6	140.6	4.5	6.8
Pembalakan	165.4	181.9	9.1	10.0
Perikanan	155.3	165.3	7.2	6.4
Akuakultur	137.0	140.8	4.0	2.8

Carta 4: Perubahan Peratus Tahunan Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan, 2014 - 2023



Subsidi dan kawalan harga ayam telah ditamatkan bermula pada 1 November 2023, mengambil kira bekalan semasa dan harga yang mulai stabil. Rasional penamatan subsidi secara pukal bagi ayam adalah bagi mengurangkan ketirisan subsidi pada ketika itu yang turut dinikmati oleh warga asing. Bagaimanapun, subsidi dan kawalan harga telur ayam gred A, B dan C masih dikekalkan sehingga kini. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah memperluaskan Jualan Rahmah dan Jualan Agro Madani ke seluruh negara bagi membekalkan ayam pada kadar harga yang berpatutan. Indeks Pengeluaran ternakan meningkat sederhana pada 2023 kesan daripada pengapungan harga ayam.

Babi mencatatkan peningkatan dua digit sebanyak 29.1 peratus berbanding 9.9 peratus pada 2022. Terdapat kenaikan harga yang ketara berikutan peningkatan kos operasi dan menjadi lebih teruk dengan penularan Demam Babi Afrika (ASF). Penularan ASF telah memberi kesan besar kepada pengeluaran babi hidup di samping kenaikan harga makanan haiwan. Bahan mentah yang mahal dan kos operasi yang tinggi menyumbang kepada jumlah kenaikan kos. Selain itu, tekanan untuk menaikkan harga daging babi segar amat ketara semasa sambutan Krismas dan cuti Tahun Baru China berikutan bekalan terhad dan permintaan tinggi, fenomena biasa di seluruh dunia.

Penanaman tanaman tidak kekal juga menurun negatif 1.0 peratus selepas peningkatan 4.2 peratus pada 2022. Menurut Berita Harian, harga sayur-sayuran yang dijual di peringkat ladang kepada pemborong jatuh separuh daripada kos pengeluaran sayur-sayuran. Petani di seluruh negara menghadapi lambakan bekalan, menyebabkan sebahagian daripada mereka memusnahkan hasil kebun berikutan penurunan harga dan kelembapan dalam jualan.

Indeks Perikanan, yang terdiri daripada ikan segar dan makanan laut segar, terus meningkat sebanyak 6.4 peratus (2022: 7.2%) dan Akuakultur meningkat 2.8 peratus (2022: 4.0%). Perubahan cuaca menyebabkan gangguan bekalan, terutamanya semasa monsun (November – Mac /April). Akibatnya, beberapa item mengalami kenaikan harga disebabkan permintaan yang lebih tinggi berbanding bekalan, seperti Sotong (24.1%), Selayang (17.6%) dan Udang (17.1%).


B Perlombongan

Sektor Perlombongan merosot negatif 5.9 peratus pada 2023 berbanding peningkatan dua digit 12.6 peratus pada 2022. Pengekstrakan petroleum mentah menurun dua digit sebanyak negatif 10.1 peratus selepas peningkatan 6.4 peratus pada 2022. Sementara itu, Pengekstrakan gas asli meningkat pada kadar lebih perlahan 9.9 peratus berbanding 43.7 peratus pada 2022. **[Carta 5]**

Jadual 3: Sektor Perlombongan, 2022 dan 2023

Sektor (B)	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Perlombongan	104.2	98.1	12.6	-5.9
Pengekstrakan petroleum mentah	105.1	94.5	6.4	-10.1
Pengekstrakan gas asli	105.9	116.4	43.7	9.9

Carta 5: Perubahan Peratus Tahunan Sektor Perlombongan, 2014 - 2023



Purata harga minyak mentah Brent USD83 setong pada 2023, turun daripada USD100 setong pada 2022. Pada separuh tahun pertama 2023, harga minyak mentah turun naik berikutan larangan import Kesatuan Eropah (EU) ke atas minyak mentah dan produk Rusia. Ini menyebabkan kenaikan kadar faedah di kalangan bank pusat global dan kebimbangan inflasi serta kemelesetan⁹. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah Brent pada separuh tahun pertama 2023 adalah kurang menentu berbanding 2022, apabila harga mencecah paras tertinggi akibat pencerobohan berskala penuh Rusia ke atas Ukraine.

⁹ U.S Energy Information Administration, Januari 2024

Pada separuh tahun kedua 2023, ketegangan geopolitik dan kebimbangan mengenai permintaan minyak mentah mengakibatkan turun naik harga yang lebih tinggi. Harga minyak mentah Brent berada pada USD78 setong pada akhir tahun 2023, USD5 di bawah permulaan 2023. Pada 4 Jun 2023, ahli OPEC+ mengumumkan lanjutan pemotongan pengeluaran minyak mentah sehingga akhir 2024. Pemotongan itu telah ditetapkan akan tamat pada penghujung 2023. Pada awal September 2023, Arab Saudi juga mengumumkan akan melanjutkan pemotongan pengeluaran secara sukarela negara itu sehingga penghujung tahun 2023.

Kenaikan mendadak harga berlaku akibat pencerobohan Rusia ke atas Ukraine apabila saluran paip terus mengalir dari Rusia. Aliran ini menurun secara berterusan, terus memberikan tekanan ke atas harga, tetapi harga mula turun antara suku ketiga dan suku keempat 2023, apabila LNG terus melonjak ke Eropah. Selepas lantunan semula pada suku keempat, penurunan harga berterusan dengan cuaca sederhana kembali, permintaan Eropah yang lemah dan kekurangan permintaan LNG di Asia¹⁰.

C Pembuatan

Jadual 4: Indeks Terpilih Sektor Pembuatan, 2022 dan 2023


Sektor (C)	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Pembuatan	120.8	120.5	8.4	-0.2
Pembuatan produk makanan	128.4	120.8	11.9	-5.9
Pembuatan kok & produk petroleum bertapis	160.6	151.9	20.4	-5.4
Pembuatan kimia & produk kimia	126.1	121.9	8.6	-3.3
Pembuatan produk getah & plastik	101.7	100.9	0.4	-0.8
Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal	106.4	113.7	3.3	6.9
Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler	109.7	119.5	4.5	8.9

Indeks Pembuatan mencatatkan penurunan marginal sebanyak negatif 0.2 peratus pada 2023 berbanding 8.4 peratus yang dicatatkan pada 2022. Penurunan itu disebabkan oleh kemerosotan indeks Pembuatan produk makanan (-5.9%), Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-5.4%), dan Pembuatan kimia & produk kimia (-3.3%). Namun, penurunan dalam sektor ini diimbangi dengan peningkatan dalam Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (6.9%) dan Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler (8.9%).

[Carta 6]

¹⁰ Oxford Institute for Energy Studies, January 2024

Carta 6: Perubahan Peratus Tahunan Sektor Pembuatan Terpilih, 2014 - 2023



Pembuatan produk makanan menurun negatif 5.9 peratus pada 2023 berbanding pertumbuhan dua digit sebanyak 11.9 peratus pada 2022. Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan yang terdiri daripada produk berasaskan minyak sawit dan isirong sawit, mencatatkan penurunan signifikan negatif 10.0 peratus pada 2023 berbanding 11.9 peratus pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, Pembuatan produk makanan lain yang terdiri daripada pembuatan pastri, kek, roti dan sebagainya, meningkat sebanyak 3.8 peratus (2022: 3.0%).

Harga minyak sawit mentah jatuh lebih rendah baru-baru ini berikutan semakan semula *Domestic Market Obligation* (DMO) oleh Indonesia yang telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2023. Berdasarkan semakan tersebut, Indonesia telah membuat beberapa perubahan pada polisi berikut merangkumi mengurangkan sasaran minyak masak domestik daripada 450,000 tan kepada 300,000 tan, menetapkan nisbah eksport daripada 1:6 kepada 1:4 dan mengeluarkan semula permit eksport yang digantung lebih awal daripada tempoh asal.

Pasaran komoditi pada suku keempat 2023 berada dalam keadaan baik disebabkan oleh permintaan global dan bekalan yang mencukupi yang mengekang kenaikan harga pada 2024. Pengeluaran minyak sawit mentah Malaysia juga lebih tinggi pada suku tahun keempat berbanding tempoh yang sama pada 2022, yang membawa kepada penyederhanaan harga minyak sawit mentah.

Dalam masa yang sama, Pembuatan kok & produk petroleum bertapis turun negatif 5.4 peratus selepas pertumbuhan dua digit sebanyak 20.4 peratus pada 2022. Ini terutamanya disebabkan oleh Pembuatan produk petroleum bertapis, yang terdiri daripada gas asli cecair, bahan api diesel lain dan sebagainya yang merosot sebanyak 5.4 peratus.

Pembuatan kimia & produk kimia juga turun negatif 3.3 peratus daripada peningkatan 8.6 peratus pada 2022 dengan Pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer turun negatif 4.5 peratus. Bagaimanapun, Pembuatan serat buatan manusia dan Pembuatan produk kimia lain masing-masing meningkat sebanyak 14.9 peratus dan 0.5 peratus.

Pembuatan produk getah & plastik yang terdiri daripada sarung tangan getah, bahagian komponen plastik untuk industri elektrik dan elektronik menurun negatif 0.8 peratus berbanding kenaikan 0.4 peratus pada 2022. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh indeks Sarung tangan getah (-12.8%) dan Filem, plastik (-15.0%).

Sebaliknya, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal meningkat daripada 3.3 peratus pada 2022 kepada 6.9 peratus pada 2023. Peningkatan itu disumbangkan oleh Pembuatan komponen dan papan elektronik (7.8%), Pembuatan komputer dan kelengkapan peranti (5.1%) dan Pembuatan peralatan komunikasi (11.6%). Komponen elektronik seperti litar bercetak, litar bersepadu dan wafer silikon kekal positif pada 2023.

Sementara itu, Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler terus meningkat 8.9 peratus berbanding 4.5 peratus. Peningkatan ini disumbangkan oleh Pembuatan kenderaan bermotor (8.0%) yang terdiri daripada kereta penumpang.

Jadual 5: Harga Produk Sawit Terpilih, 2022 dan 2023

HARGA MPOB RM PER TAN/METRIK		Minyak Sawit Mentah	Minyak Mentah Isirong Sawit	Buah Tanda Kelapa Sawit Segar	Minyak Sawit RBD
2022	Januari	5,354.50	9,156.00	61.61	5,519.00
	Februari	5,930.50	9,938.50	68.30	6,324.50
	Mac	6,867.00	9,813.00	76.96	7,621.00
	April	6,678.00	8,252.00	73.68	7,024.50
	Mei	6,873.00	7,580.00	74.26	7,350.00
	Jun	6,106.00	6,291.00	63.68	6,431.00
	Julai	4,063.00	4,654.00	42.30	4,610.00
	Ogos	4,169.00	4,818.00	44.20	4,547.00
	September	3,736.50	5,020.50	39.72	4,181.00
	Oktober	3,682.00	4,420.00	38.50	3,986.50
	November	4,087.50	3,925.50	42.04	4,409.50
	Disember	3,960.50	4,006.00	41.04	4,167.00
2023	Januari	3,922.00	3,942.00	40.44	4,172.00
	Februari	3,908.00	3,865.00	40.35	4,078.50
	Mac	4,159.50	4,042.00	43.18	4,350.50
	April	4,217.50	3,970.00	43.70	4,424.50
	Mei	3,795.50	3,932.00	39.19	4,222.00
	Jun	3,525.00	3,748.00	36.55	3,698.00
	Julai	3,897.00	3,849.00	40.11	4,050.50
	Ogos	3,805.00	4,066.50	39.58	3,928.50
	September	3,727.00	3,937.00	38.50	3,873.50
	Oktober	3,640.00	3,713.50	37.38	3,832.00
	November	3,700.50	3,863.00	38.38	3,881.50
	Disember	3,656.50	3,941.50	38.02	3,814.50


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Analisis Harga Minyak Mentah Brent 2023

Mardziah Nawama

Pengenalan

Carta 1: Harga Global Minyak Brent dan West Texas Intermediate (WTI), 2018 – 2023



Sumber: The World Bank

Jadual 1: Harga Global Minyak Brent dan WTI, January - Disember 2023

Minyak Mentah	2023 (US Dollar)											
	Jan.	Feb.	Mac.	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sep.	Okt.	Nov.	Dis.
Minyak Mentah Brent	83.09	82.71	78.53	84.11	75.70	74.89	80.10	86.16	94.00	91.06	83.18	77.86
Minyak Mentah WTI	78.11	76.84	73.37	79.44	71.59	70.23	76.39	81.40	89.58	85.57	77.43	72.08

Sumber: The World Bank

Pasaran komoditi global menghadapi ketidaktentuan pada 2023 bukan sahaja disebabkan kebimbangan geopolitik yang berlarutan, tetapi juga sebahagian besarnya tertumpu pada China dan perubahan iklim. Pada permulaan pandemik COVID-19, permintaan yang lebih rendah menyebabkan harga minyak merosot, dan harga kekal di bawah USD50 setong pada tahun 2020. Sejak itu, sejajar dengan pemulihan sosio-ekonomi pasca COVID, harga minyak telah meningkat dengan ketara, berlegar sekitar USD80 setong untuk majoriti 2023. Purata harga minyak mentah Brent adalah USD83 setong pada 2023, turun daripada USD100 setong pada 2022, (17.0%). Pasaran global diselaraskan kepada dinamik perdagangan baharu, dengan minyak mentah dari Rusia menemui destinasi di luar

Kesatuan Eropah (EU), dan permintaan minyak mentah global jatuh di bawah jangkaan. Dinamik tersebut mengimbangi impak daripada sekatan bekalan minyak mentah OPEC+¹.

Economist Intelligent Unit (EIU)² telah mengunjurkan harga minyak akan kekal meningkat pada 2023. Walau bagaimanapun, harga minyak turun mendadak pada Mac 2023 berikutan kejatuhan Silicon Valley Bank dan Signature Bank di Amerika Syarikat di samping isu kecairan yang dihadapi oleh Credit Suisse. Perubahan pada separuh pertama 2023 adalah berikutan larangan import EU ke atas minyak mentah dan produk Rusia yang membawa kepada kadar faedah yang lebih tinggi di kalangan bank pusat global.

Purata harga global minyak mentah Brent berlegar pada purata USD80 setong pada Julai 2023 selepas mencapai purata USD75 setong pada Jun 2023. Bekalan minyak mentah diunjurkan terus terhad apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan ahli-ahlinya telah melaksanakan pengurangan pengeluaran. Faktor lain seperti penurunan dalam eksport minyak mentah Rusia, yang lebih rendah daripada jangkaan stok minyak mentah Amerika Syarikat dan Keluaran Dalam Negara Kasar China yang lemah pada suku tahun kedua menyumbang kepada kenaikan harga minyak mentah pada Julai 2023³.

Purata harga minyak Brent USD94 setong pada September 2023, meningkat daripada USD75 setong pada Jun 2023. Pasaran yang mendorong harga minyak lebih tinggi pada September 2023 telah menurun pada bulan Oktober 2023, walaupun dengan bekalan minyak mentah berterusan yang ketat dan konflik yang semakin meruncing di Timur Tengah⁴. Pada awal November 2023, harga minyak mentah Brent menjunam ke paras terendah dalam tempoh empat bulan kepada sekitar USD80 setong. Penurunan mendadak ini dicetuskan oleh peralihan tumpuan pasaran daripada risiko bekalan kepada situasi ekonomi global dan permintaan minyak. Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA)⁵, perdagangan pasaran depan juga berubah dengan jangkaan lebih bekalan yang akan menyebabkan penurunan harga.

¹ Merujuk kepada *The Economist Intelligent Unit*, Mac 2023

² Merujuk kepada *U.S. Energy Information Administration*, Januari 2024

³ Merujuk kepada *Taipei Times*, Julai 2023

⁴ Merujuk kepada *Trading Economics* September 2023

⁵ Merujuk kepada *International Energy Agency*, November 2023

Penutup

Harga komoditi pada 2023 dilihat tidak menentu berikutan turun naik harga, terutamanya dalam pasaran tenaga. Harga minyak mentah juga mengalami ketidakpastian berikutan beberapa siri pengurangan pengeluaran minyak oleh OPEC+ dan kebimbangan bekalan yang berkait dengan perang Israel-Hamas. Risiko geopolitik yang semakin meningkat, termasuk perang yang bertambah serius, telah meningkatkan ketidakstabilan dalam bekalan dan harga tenaga global⁶. Harga komoditi, seperti yang diukur dalam indeks harga komoditi Bank Dunia, diunjurkan menurun 4.0 peratus pada 2024 selepas jatuh hampir 24.0 peratus pada 2023, penurunan paling rendah sejak pandemik COVID-19.

Prospek pada 2024

Ketegangan geopolitik di Timur Tengah telah menaikkan harga komoditi utama seperti minyak dan emas. Harga minyak juga diunjurkan purata USD98 setong pada 12 bulan yang akan datang selepas negara-negara OPEC melanjutkan pemotongan bekalan minyak mentah secara sukarela⁷. Risiko utama kepada unjuran harga komoditi adalah berkaitan dengan kemungkinan konflik yang semakin meningkat di Timur Tengah, yang boleh mengakibatkan harga minyak yang lebih tinggi dengan ketara dan mencetuskan semula tekanan inflasi global.

Selepas penurunan mendadak akibat COVID-19, permintaan minyak meningkat kepada paras pra-pandemik pada 2023. Berdasarkan polisi sedia ada, pertumbuhan permintaan minyak dunia adalah perlahan dalam tempoh ramalan 2022 - 2028 di mana peralihan tenaga semakin maju⁸. Unjuran ini dipengaruhi oleh peningkatan kecekapan tenaga merentas pelbagai industri dan peningkatan penggunaan kenderaan elektrik (EV) dalam kereta penumpang, di mana peralihan kepada pengangkutan elektrik telah memainkan peranan utama dalam penurunan permintaan minyak.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

⁶ Merujuk *Commodity Market Outlook* oleh *World Bank*, Disember 2023


⁷ Merujuk kepada *Trading Economics*, Disember 2023

⁸ Merujuk kepada *International Energy Agency*, 2023

Indeks Harga Pengeluar mengikut Seksyen Barangan

Dari segi IHPR mengikut seksyen komoditi, empat indeks yang mengalami penurunan pada 2023 adalah indeks Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (-17.4%), Minyak dan lemak daripada haiwan & sayuran (-10.2%), Bahan api, galian pelincir, dll (-4.9%) dan Bahan kimia (-3.6%). Sementara itu, indeks Jentera & kelengkapan pengangkutan (6.4%), Makanan (4.1%), Pelbagai barang keluaran kilang (3.3%), Minuman & tembakau (1.4%) dan Barang-barang keluaran kilang (1.1%) kekal positif berbanding 2022. [Carta 7]


Carta 7: Perubahan Peratus Tahunan IHPR mengikut Seksyen Barangan, 2022 dan 2023



Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan

Indeks Bahan Perantaraan, bekalan & komponen menurun negatif 1.2 peratus daripada peningkatan 10.9 peratus pada 2022 dan indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun kepada negatif 9.6 peratus selepas peningkatan 6.2 peratus pada 2022. Sementara itu, indeks Barangan siap barangan meningkat 3.1 peratus pada 2023 berbanding 1.8 peratus pada 2022. [Carta 8]

Carta 8: Perubahan Peratus Tahunan IHPR mengikut Peringkat Pemprosesan, 2022 dan 2023



Peringkat Pemprosesan 1:


1 Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya

Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya merosot negatif 9.6 peratus selepas mencatatkan peningkatan 6.2 peratus pada 2022, dengan Bahan bukan makanan mencatatkan penurunan negatif 12.1 peratus (2022: 6.8%). Sementara itu, Bahan makanan dan makanan untuk binatang meningkat 4.4 peratus (2022: 3.4%). Harga komoditi utama yang lebih rendah seperti petroleum mentah dan buah tandan kelapa sawit segar menyebabkan penurunan dalam indeks Bahan bukan makanan. Sementara itu, indeks ayam pedaging dan telur ayam menyumbang kepada peningkatan indeks Bahan makanan dan makanan untuk binatang. [Carta 9]

Jadual 6: Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya, 2022 dan 2023

Peringkat Pemprosesan 1	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	129.1	116.7	6.2	-9.6
Bahan makanan dan makanan untuk binatang	132.3	138.1	3.4	4.4
Bahan bukan makanan	126.4	111.1	6.8	-12.1
Bahan bukan makanan kecuali bahan api	142.9	110.9	0.5	-22.4
Bahan api mentah	117.5	110.3	10.7	-6.1

Carta 9: Perubahan Peratus Tahunan Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya, 2014 - 2023



Peringkat Pemprosesan 2:

2 Bahan Perantaraan, Bekalan & Komponen


Penurunan indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen sebanyak negatif 1.2 peratus disebabkan oleh Bahan dan komponen untuk pembuatan (-3.8%), Bahan api yang diproses dan pelincir (-3.7%) dan Bekas (-2.8%). Bagaimanapun, indeks Bekalan (8.3%) dan Bahan dan komponen untuk pembinaan (5.4%) meningkat pada tahun 2023. **[Carta 10]**

Bahan untuk pembuatan makanan terdiri daripada tepung dan serbuk koko menurun sebanyak 9.1 peratus, manakala Bahan untuk pembuatan lain terdiri daripada produk minyak sawit (minyak sawit RBD, olein sawit) turun sebanyak 2.6 peratus. **[Jadual 7]**

Jadual 7: Bahan Perantaraan, Bekalan & Komponen, 2022 dan 2023

Peringkat Pemprosesan 2	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Bahan perantaraan, bekalan & komponen	126.7	125.2	10.9	-1.2
Bahan dan komponen untuk pembuatan	123.4	118.7	10.1	-3.8
Bahan untuk pembuatan makanan	133.4	121.3	12.7	-9.1
Bahan untuk pembuatan lain	123.1	119.9	9.5	-2.6
Bahan dan komponen untuk pembinaan	109.2	115.1	4.3	5.4
Bahan api yang diproses dan pelincir	145.2	139.8	18.0	-3.7
Bekas	117.9	114.6	1.8	-2.8
Bekalan	127.2	137.7	7.8	8.3
Industri pembuatan	125.5	137.4	6.5	9.5
Industri bukan pembuatan	127.0	135.4	9.5	6.6

Carta 10: Perubahan Peratus Tahunan Bahan Perantaraan, Bekalan & Komponen, 2014 - 2023



Peringkat Pemprosesan 3:

3 Barang Siap

Jadual 8: Barang Siap, 2022 dan 2023

Peringkat Pemprosesan 3	Indeks		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Barang siap	103.0	106.2	1.8	3.1
Barangan pengguna siap	112.9	114.9	2.7	1.8
Makanan pengguna siap	125.9	129.7	6.2	3.0
Barangan pengguna siap kecuali makanan	107.4	108.7	1.1	1.2
Kelengkapan modal	97.8	101.8	1.1	4.1
Industri pembuatan	97.8	100.3	2.0	2.6
Industri bukan pembuatan	97.4	102.4	0.7	5.1

Barang siap meningkat 3.1 peratus pada 2023 (2022: 1.8%) disebabkan oleh kedua-dua indeks Kelengkapan modal (4.1%) dan Barangan pengguna siap (1.8%). **[Carta 11]**

Peningkatan dalam indeks Barangan pengguna siap disokong oleh indeks Makanan pengguna siap (3.0%) dan Barangan pengguna siap kecuali makanan (1.2%). Indeks Barangan pengguna siap biasanya dibandingkan dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) untuk tujuan analisis trend harga. Sementara itu, indeks Makanan pengguna siap, yang merupakan komponen di bawah Barangan pengguna siap, biasanya dibandingkan dengan

indeks kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol dalam IHP. Indeks Makanan pengguna siap meningkat 3.0 peratus pada 2023 (2022: 6.2%) sama seperti indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol dalam IHP (2023: 4.8%; 2022: 5.8%)¹¹.

Carta 11: Perubahan Peratus Tahunan Barang Siap, 2014 - 2023



Sementara itu, peningkatan dalam indeks Kelengkapan modal adalah disebabkan oleh kedua-dua indeks Industri pembuatan (2.6%) dan Industri bukan pembuatan (5.1%). **[Jadual 8]**

¹¹ Berdasarkan Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan 2023

Introduction

Global economic slowed down to 3.1 per cent in 2023 from 3.5 per cent in 2022. As the global landscape continues to undergo fluctuating rates of growth, it is expected that the global economy will show growth. This growth rate is anticipated to remain consistent in the coming years¹. Uncertainties remain, leading the International Monetary Fund (IMF)² to forecast a global growth rate of 3.2 per cent for 2024 and 2025. This forecast considers a gradual recovery from the global pandemic, ongoing geopolitical conflicts, and the rise in interest rates by other countries to control inflation.

In spite of growing uncertainty in the world economy, low global demand and disruptions in the production of commodities, the Malaysian economy expanded by 3.7 per cent in 2023. Furthermore, growth in investment and consumption spending propelled Malaysia's domestic demand in 2023. This was also aided by favourable labour market conditions, easing inflationary pressures, and thriving tourism industries. The World Bank³ projects that strong domestic demand will drive the country's Gross Domestic Product (GDP) to grow by 4.3 per cent in 2024.

According to World Economic Outlook, lower commodity prices and the normalisation of supply chain conditions helped to reduce global headline inflation, but it remained high. The Middle East conflicts and Organisation of the Petroleum Exporting Countries (OPEC+) production cuts contributed to an increase in oil prices, which was mitigated by increased production from non-OPEC producing countries. Subsequently, the IMF⁴ projected global inflation to incline moderately, from 6.8 per cent in 2023 to 5.9 per cent in 2024 and 4.5 per cent in 2025, with developed countries returning to their inflation targets sooner than emerging market and developing economies. Core inflation is generally projected to increase marginally. The persistence in core inflation was accounted by services inflation, as resilient domestic demand, stronger-than-expected wage growth and continued spending rotation from goods to services put upward pressures on prices.

¹ Refers to Economic and Monetary Review 2023 by Central Bank of Malaysia, March 2024

² Refers to World Economic Outlook, July 2023 and Economic Outlook 2024 by MOF

³ Refers to The World Bank Report, April 2024 and Economic Outlook 2024 by MOF

⁴ Refers to World Economic Outlook, April 2024

Commodity Global Prices in 2023 and the Forecast

The commodity prices, as measured by the World Bank's commodity price index⁵, are projected to decline by 4.0 per cent in 2024, after falling by nearly 24.0 per cent in 2023. It was the steepest decline since the COVID-19 pandemic. Energy prices are also projected to fall in 2024 and remain relatively flat in 2025.

Brent oil prices have climbed significantly, hovering around USD80 per barrel for the majority of 2023. The price of Brent crude oil averaged USD83 per barrel in 2023, downed from USD100 per barrel in 2022. Prices of fuel commodities are projected to decrease in 2024 by an average of 9.7 per cent, with oil prices decreasing about 2.5 per cent. The decreases reflect abundant spare capacity and strong non-OPEC+ (Organisation of the Petroleum Exporting Countries plus selected non-member countries, including Russia) supply growth.

Natural gas prices are expected to continually decline in 2024 as compared to 2023. Wood Mackenzie⁶ forecasted lower 2024 prices by 45.0 per cent as compared to 2023 and expected to remain modest at 14 million tonnes in 2024, with the gas market becoming increasingly balanced on account of new supply, dampened demand and high storage. Even though Asian liquefied natural gas (LNG) demand remains lower, LNG performance is unlikely to intensify.

Global food prices decreased by 13.7 per cent in 2023, according to the Food and Agriculture Organisation (FAO)⁷ Food Price Index. Food commodity prices are predicted to decline by 2.2 per cent in 2024. Based on the IMF⁸, forecasts for food prices have been revised slightly downward, driven by expectations of abundant global supplies for wheat and maize.

Jentera dan kelengkapan pengangkutan <i>Machinery and transport equipment</i>	7	100.7	102.6	103.5	104.8	107.1	108.9	110.1	107.6	109.7	109.5	107.8	112.8	117.3
Pelbagai barang keluaran kilang <i>Miscellaneous manufactured articles</i>	8	102.7	103.5	104.0	104.8	106.7	109.0	111.4	108.2	107.1	106.6	108.5	108.4	111.3
Pelbagai urusan niaga dan barangan <i>Miscellaneous transactions and commodities</i>	9	107.3	110.7	105.3	102.7	109.1	126.2	130.8	121.9	133.9	165.5	169.5	178.0	184.5

IHPR mengikut Sektor PPI by Sector	Kod Code	2010=100												
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah <i>Total</i>		9.6	0.1	-1.7	1.4	-4.8	-0.2	6.6	-0.3	-1.1	-2.7	7.8	8.4	-1.6
Pertanian, perhutanan dan perikanan <i>Agriculture, forestry and fishing</i>	A	18.4	-10.5	-9.4	2.1	-3.2	13.1	7.1	-11.9	-2.8	13.0	26.3	1.4	-11.7
Perlombongan <i>Mining</i>	B	29.2	3.0	-0.8	-3.5	-32.0	-12.8	29.1	20.2	-3.2	-34.3	35.8	19.2	-8.3
Pembuatan <i>Manufacturing</i>	C	7.1	0.5	-1.3	1.8	-1.8	-0.1	5.2	-1.1	-0.8	-0.8	4.7	8.4	-0.2
Bekalan elektrik dan gas <i>Electricity and gas supply</i>	D	3.9	3.2	0.7	10.3	-4.6	-0.9	1.9	1.1	1.5	-0.4	-0.3	0.7	0.3
Bekalan air <i>Water supply</i>	E	4.2	-0.1	2.4	0.9	2.5	3.5	-0.1	0.3	-2.3	-0.1	0.4	2.7	2.3

IHPR mengikut Seksyen Barangan PPI by Commodity Section	Kod Code	2010=100												
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah <i>Total</i>		9.6	0.1	-1.7	1.4	-4.8	-0.2	6.6	-0.3	-1.1	-2.7	7.8	8.4	-1.6
Makanan <i>Food</i>	0	9.4	0.3	1.5	4.4	1.2	1.4	6.4	0.2	0.3	-0.2	3.0	5.0	3.6
Minuman dan tembakau <i>Beverages and tobacco</i>	1	4.6	0.7	1.3	2.8	0.5	1.1	1.4	0.7	-0.1	-0.1	0.3	0.1	2.3
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan <i>Crude materials, inedible</i>	2	19.5	-12.7	-12.8	-2.1	-3.8	14.0	8.6	-15.6	-4.9	16.7	31.1	1.4	-15.2
Bahan api galian, pelincir, dll. <i>Mineral fuels, lubricants, etc.</i>	3	22.4	5.7	-0.6	0.3	-22.1	-11.5	21.9	13.7	-2.6	-19.5	20.3	22.1	-5.4
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran <i>Animal and vegetable oils and fats</i>	4	22.5	-10.0	-15.2	7.5	-6.2	7.3	9.3	-13.3	-8.8	9.4	24.0	15.9	-9.8
Bahan kimia <i>Chemicals</i>	5	8.9	-0.5	0.8	2.2	0.1	-1.7	2.8	0.0	-2.0	-2.0	5.1	6.1	-3.4
Barang-barang keluaran kilang <i>Manufactured goods</i>	6	3.6	-0.5	-0.6	0.5	0.2	0.2	4.9	1.0	-0.8	-0.2	3.6	5.2	0.4
Jentera dan kelengkapan pengangkutan <i>Machinery and transport equipment</i>	7	0.7	1.9	0.9	1.3	2.2	1.7	1.1	-2.3	2.0	-0.2	-1.6	4.6	4.1
Pelbagai barang keluaran kilang <i>Miscellaneous manufactured articles</i>	8	2.7	0.8	0.5	0.8	1.8	2.2	2.2	-2.9	-1.0	-0.5	1.8	0.0	2.6
Pelbagai urus niaga dan barangan <i>Miscellaneous transactions and commodities</i>	9	7.3	3.2	-4.9	-2.5	6.2	15.7	3.6	-6.8	9.8	23.6	2.4	5.0	3.7



NOTA TEKNIKAL

TECHNICAL NOTES



Pengenalan

Penerbitan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan merupakan penerbitan bulanan yang memaparkan statistik meliputi lima sektor utama iaitu Pertanian, perhutanan dan perikanan; Perlombongan; Pembuatan; Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. IHPR Pengeluaran Tempatan disusun berdasarkan data Survei Harga Pengeluar yang dilaksanakan pada setiap bulan. Bermula bulan rujukan Januari 2018, IHPR telah dikemaskini menggunakan “bakul” barangan tahun 2015 dengan mengekalkan tahun asas yang sama, 2010=100.

Objektif

Objektif utama IHPR Pengeluaran Tempatan adalah untuk mengukur purata perubahan harga yang dikenakan oleh pengeluar barangan dalam sesuatu industri. IHPR yang merupakan indeks berasaskan output ini juga merupakan penunjuk ekonomi makro yang digunakan bagi memantau pergerakan harga output tempatan dan sering dilihat sebagai penunjuk awalan kepada Indeks Harga Pengguna.

Skop dan Liputan

IHPR meliputi lima sektor ekonomi, iaitu Pertanian, perhutanan & perikanan, Perlombongan, Pembuatan, Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. Indeks diterbitkan di peringkat kumpulan tiga digit, peringkat bahagian dua digit dan peringkat sektor satu digit di peringkat Malaysia. IHPR turut disusun mengikut Peringkat Pemprosesan dan Seksyen Barangan (SITC). IHPR mengikut peringkat pemprosesan dibentuk setelah komoditi yang disusun semula dan dikelaskan mengikut peringkat pemprosesan iaitu Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya, Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap. Sementara itu, IHPR mengikut seksyen barangan meliputi 9 kumpulan iaitu Makanan, minuman & tembakau, Bahan mentah tidak boleh dimakan, Bahan api galian, pelincir, dll, Minyak dan lemak binatang & sayuran, Bahan kimia, Barang-barang keluaran kilang, Jentera & kelengkapan pengangkutan dan Pelbagai barang keluaran kilang.

Sejumlah 1,063 item komoditi digunakan dalam penyusunan IHPR Pengeluaran Tempatan.

Konsep dan Definisi

Klasifikasi

Klasifikasi IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut industri adalah berasaskan kepada Piawai Perindustrian Malaysia (MSIC) 2008 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities, Revision 4* (ISIC). Manakala, klasifikasi IHPR mengikut seksyen barangan adalah berasaskan Piawai Penjenisan Perdagangan Antarabangsa (SITC) Pindaan 4.

Harga

Harga yang digunakan dalam pengiraan IHPR Pengeluaran Tempatan merujuk kepada harga yang diterima oleh pengeluar pada peringkat pertama pengkomersilan. Harga pengeluar barangan tempatan merujuk kepada harga di kilang iaitu jumlah yang diterima oleh pengeluar daripada pembeli bagi seunit barangan yang dikeluarkan. Ia tidak termasuk semua cukai tidak langsung seperti cukai eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan (CJCP) dan bayaran pengangkutan yang dikenakan berasingan oleh pengeluar. Bagi barangan yang dikeluarkan, diproses atau dipasang di Malaysia, harga pengeluar merujuk kepada harga selepas ditolak diskaun dan rebet yang diberikan oleh pengilang dan tidak termasuk kos pengangkutan yang disewa serta kos pengangkutan lain antara pengeluar dan pembeli.

Kos pengangkutan bagi pertubuhan pengangkutan yang tidak menyewa perkhidmatan pengangkutan tetapi menggunakan kemudahan sendiri lazimnya merupakan sebahagian daripada kos item, dan telah diambilkira kerana sukar untuk mengasingkannya.

Wajaran

Wajaran untuk pengiraan IHPR diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016 dan sumber data alternatif lain bagi nilai pengeluaran mulai IHPR bulan rujukan Januari 2018. Wajaran IHPR dikemaskini pada umumnya dalam tempoh lima tahun sekali. Wajaran bagi produk ditentukan berdasarkan peratus sumbangan item kepada nilai output dalam ekonomi. Wajaran IHPR mengikut MSIC dan Seksyen Barangan (SITC) adalah seperti berikut:-

Wajaran mengikut MSIC

Sektor (2005=100)	Wajaran			Sektor (2010=100)
	2005	2010	2015	
Pertanian	6.60	8.15	6.730	Pertanian, perhutanan & perikanan
Perikanan	0.81			
Perlombongan	9.83	9.67	7.927	Perlombongan
Pembuatan	80.00	78.79	81.571	Pembuatan
Bekalan elektrik, gas & air	2.76	3.05	3.442	Bekalan elektrik & gas
		0.34	0.330	Bekalan air
Jumlah	100.00	100.00	100.000	Jumlah

Wajaran mengikut Seksyen Barangan (SITC)

Seksyen Barangan	Wajaran	
	2010	2015
Makanan	5.71	7.454
Minuman & tembakau	1.36	1.307
Bahan mentah tidak boleh dimakan	8.24	5.769
Bahan api galian, pelincir, dll.	24.58	21.075
Minyak dan lemak binatang & sayuran	10.29	9.287
Bahan kimia	8.12	8.557
Barang-barang keluaran kilang	11.21	13.672
Jentera & kelengkapan pengangkutan	25.04	25.611
Pelbagai barang keluaran kilang	5.45	7.268
Jumlah	100.00	100.000

Pemilihan Produk

Pemilihan produk bagi survei harga bulanan adalah berdasarkan sumbangan item kepada jumlah output industri tersebut. Produk yang terpilih adalah mewakili kumpulannya. Item yang dimasukkan dalam pengiraan indeks secara kolektif menyumbang lebih 85 peratus daripada jumlah output bagi industri yang dipilih.

Pemilihan Pertubuhan

Pemilihan pertubuhan adalah berdasarkan sumbangan pertubuhan tersebut kepada jumlah output bagi industri yang telah terpilih. Pertubuhan yang terpilih mewakili produk masing-masing. Pertubuhan ini secara kolektif menyumbang sekurang-kurangnya 85 peratus daripada jumlah output produk yang terpilih. Senarai pertubuhan yang terlibat dalam pengeluaran tempatan diambil daripada Banci Ekonomi 2016 dan sumber-sumber tambahan. Senarai pertubuhan ini dikemaskini setiap tahun untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan aktiviti, lokasi kilang dan alamat pos. Pada tahun 2023, bilangan pertubuhan yang diliputi adalah sebanyak 1,695.

Pemilihan Komoditi

Kajian awal dijalankan bagi setiap item komoditi yang terpilih dengan mengenal pasti jenis produk yang laris jualannya di samping keterangan atau spesifikasi yang terperinci seperti jenama, gred, saiz dan unit ukuran bagi item yang dikeluarkan atau diimport bagi tujuan pungutan harga.

Borang survei dihantar kepada semua pertubuhan terpilih pada peringkat awal bagi mendapatkan maklumat berikut:

- (a) Jenama komoditi yang biasa dikeluarkan
- (b) Jenama komoditi yang memberikan sumbangan yang penting kepada pengeluaran syarikat
- (c) Keterangan dan spesifikasi terperinci bagi jenama yang dinyatakan di (a) dan (b)
- (d) Brosur atau katalog bagi jenama komoditi

1,063 komoditi diliputi dari 1193 pertubuhan bagi pengeluaran tempatan setiap bulan dalam pengiraan IHPR. Komoditi ini dipilih berdasarkan kepentingannya dalam pertubuhan.

Sumber Data

Sejumlah 5,346 sebut harga dipungut setiap bulan daripada pertubuhan dan agensi kerajaan. Antara agensi kerajaan yang diliputi survei ini adalah seperti berikut:

- i. Jabatan Bekalan Air Negeri
- ii. Jabatan Perikanan Malaysia

- iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- iv. Lembaga Getah Malaysia
- v. Lembaga Koko Malaysia
- vi. Lembaga Lada Malaysia
- vii. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- viii. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- ix. Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia (MTIB)

Kawalan Kualiti

Satu siri semakan dibuat bagi menentukan data harga yang diterima adalah munasabah, konsisten dan tepat. Prosedur semakan harga termasuk membuat perbandingan harga semasa dengan harga yang dilaporkan pada bulan sebelumnya bagi responden yang sama, di samping harga yang dilaporkan oleh responden lain bagi item komoditi yang sama. Harga yang menunjukkan perbezaan yang luar biasa akan dirujuk kepada responden untuk penjelasan bagi menentukan ketepatan.

Harga yang dilaporkan dalam borang akan disahkan oleh pegawai luar semasa menjalankan kerja luar dan ia akan disemak selanjutnya di ibu pejabat. Perubahan harga yang ketara akan dirujuk kepada pegawai luar untuk pengesahan. Dalam keadaan tertentu, responden akan dihubungi terus untuk penjelasan.

Data yang diterima akan disemak secara teliti sebelum tangkapan data dijalankan. Anggota di Jabatan Perangkaan Negeri diberikan latihan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun mengenai prosedur, konsep dan definisi serta sebarang perubahan tentang spesifikasi produk dan item yang dipilih.

Metodologi Pengiraan Indeks

Berkuatkuasa mulai penerbitan bulan rujukan Januari 2018, kaedah indeks rantaian Laspeyres digunakan dalam pengiraan IHPR (2010=100) dengan menggunakan Disember 2017 sebagai bulan pautan.

IHPR disusun sebagai indeks rantaian bakul tetap. Ini bermakna turutan indeks bakul tetap dirantai bersama bagi mewujudkan satu siri masa yang berterusan. Perkara ini perlu untuk mengelakkan perubahan yang tidak dijangka dalam indeks apabila pengemaskinian bakul dilakukan.

Dalam usaha untuk indeks dirantai bersama antara bakul, wajaran bagi bakul lama dan baru perlu dinyatakan pada tempoh rujukan harga yang sama. Tempoh tersebut dikenali sebagai bulan pautan. Bakul IHPR Pengeluaran Tempatan adalah menggunakan bakul lama (2010=100) dan produk dikemaskini wajarannya menjadi bakul baru (2015=100).

IHPR bulan rujukan dihitung menggunakan bakul baru didarabkan dengan indeks yang diterbitkan sebelumnya berdasarkan bakul lama.

$$p_{t/10}^{ch} = p_{t/15}^{baru} \times \left(\frac{p_{D17/10}^{lama}}{p_{D17/15}^{baru}} \right)$$

Di mana,

$p_{t/10}^{ch}$ = adalah indeks rantaian yang mengukur perubahan harga dari 2010 kepada sebarang tempoh t sehingga Disember 2017

$p_{t/D15}^{baru}$ = adalah indeks komposit siri baru yang membandingkan harga pada sebarang tempoh t kepada Disember 2017

$p_{D17/10}^{lama}$ = adalah indeks komposit siri lama yang membandingkan harga bagi Disember 2017 kepada harga 2010

$p_{D17/15}^{baru}$ = adalah indeks komposit siri lama yang membandingkan harga bagi Disember 2017 kepada harga 2015

Dalam kes indeks rantaian, penjumlahan indeks purata berwajaran bagi kumpulan peringkat rendah atau barangan adalah tidak sepadan dengan kumpulan peringkat yang lebih tinggi (indeks rantaian tidak berdaya tambah).

Kadar Perubahan

Kadar perubahan yang ditunjukkan oleh pergerakan harga boleh dikira menggunakan beberapa cara. Tiga kaedah pengiraan yang digunakan adalah perubahan peratus di antara bulan semasa & bulan yang sama tahun sebelumnya (tahun ke tahun); bulan semasa dengan bulan sebelumnya (bulan ke bulan) dan perubahan peratus antara purata tahunan tahun semasa yang spesifik dengan purata tahunan yang sama ditetapkan pada tahun sebelumnya. Contoh berikut menunjukkan cara pengiraan perubahan mata indeks dan perubahan peratus.

Perubahan Mata Indeks		Perubahan Peratus
Indeks Harga Pengeluar	125.4	Perubahan peratus indeks dibahagi dengan indeks sebelumnya, didarab dengan seratus. $= \frac{125.4 - 124.3}{124.3} \times 100$ $= 0.9 \%$
Tolak Indeks sebelumnya	124.3	
Bersamaan dengan	$\frac{125.4}{124.3} = 1.1$	

Pelarasan Musim

Data siri masa adalah amat berguna untuk ahli ekonomi, pembuat dasar & keputusan serta penganalisis siri masa untuk mengenal pasti ciri-ciri penting siri ekonomi seperti arah aliran, turning point dan konsistensi antara penunjuk ekonomi yang lain. Kadangkala ciri ini sukar untuk diperhatikan kerana pergerakan bermusim. Oleh itu, sekiranya kesan bermusim boleh disingkirkan, arah aliran data siri ini dapat dilihat dengan lebih baik. Anggaran dan penyingkiran kesan bermusim dipanggil pelarasan bermusim.

Pelarasan bermusim adalah satu proses untuk mengenal pasti dan menyingkirkan bentuk pola bermusim yang biasa berlaku dalam tempoh satu tahun, yang mungkin juga merangkumi pengaruh dari kesan cuti yang bergerak dan hari bekerja/berdagang bagi suatu tempoh. Objektif utama proses ini adalah untuk menunjukkan arah aliran dan pergerakan jangka pendek dalam siri ini.

Di Malaysia, kebanyakan data siri masa dipengaruhi oleh kesan bermusim. Oleh itu, untuk menghapus dan melaraskan kesan bermusim data siri masa ekonomi Malaysia, pakej standard pelarasan bermusim, X-12 ARIMA telah digunakan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia. Data

siri masa ekonomi Malaysia juga kerap dipengaruhi oleh perayaan agama utama seperti Aidilfitri bagi umat Islam, Tahun Baru Cina untuk kaum Cina dan Deepavali untuk kaum India. Tarikh perayaan-perayaan ini tetap mengikut tahun lunar tetapi berbeza-beza mengikut calendar Gregorian. Oleh itu, untuk menganggar dan menyingkirkan kesan cuti yang bergerak dari data siri masa, satu prosedur telah dibangunkan iaitu Seasonal Adjustment for Malaysia (SEAM).

Frekuensi Penyusunan

IHPR disusun setiap bulan manakala indeks suku tahunan dan tahunan dikira berdasarkan data siri bulanan.

Keperluan Kerahsiaan

Data yang digunakan bagi penyusunan IHPR telah dipungut di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989). Akta ini mensyaratkan bahawa kandungan penyata individu adalah sulit. Selaras dengan peruntukan dalam Akta ini, hanya angka agregat diterbitkan.

Simbol dan Singkatan

- tanda negatif
- dll dan lain-lain
- t.t.t.l tidak terkelas di tempat lain
- d.t.t data tidak tersedia

Introduction

The publication of Producer Price Index (PPI) Local Production is a monthly publication which presents statistics covering five main sectors namely Agriculture, forestry and fishing; Mining; Manufacturing; Electricity & gas supply and Water supply. PPI is compiled based on the data from the Producer Price Survey which is conducted on a monthly basis. Commencing in reference month of January 2018, PPI was updated using the “basket” of goods for year 2015 by maintaining the same base year, 2010=100.

Objective

The main objective of PPI Local Production is to measures the average changes in price of commodities charged by domestic producers of an industry. The PPI, which is an output-based index, is also a macroeconomic indicator used to monitor the price movements of local outputs and is often viewed as a leading indicator of Consumer Price Index.

Scope and Coverage

PPI covers the following five sectors of the economy, namely Agriculture, forestry & fishing, Mining, Manufacturing, Electricity & gas supply and Water supply. The indices are published at three-digit group level, two-digit division levels and one-digit sector level for Malaysia. PPI is also compiled by Stage of Processing and Commodity Section (SITC). PPI for Local Production by stage of processing is compiled by reclassifying the commodities according to the following stage of processing i.e. Crude materials for further processing, Intermediate materials, supplies & components and Finished goods. Meanwhile, PPI by commodity section covers 9 groups namely Food, beverages & tobacco, Crude materials, inedible, Mineral fuels, lubricants, etc, Animal and vegetable oils & fats, Chemicals, Manufactured goods, Machinery & transport equipment and Miscellaneous manufactured articles.

A total of 1,063 commodity items are used in the compilation of the PPI for Local Production.

Concept and Definitions

Classification

The classification of the PPI Local Production by industry is based on the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008, which adhere to the International Standard Industrial Classification (ISIC) Rev. 4. Meanwhile, the classification of the PPI for Local Production by commodity section is based on the Standard International Trade Classification (SITC) Rev. 4.

Prices

This refers to prices received by the producer at the first stage of commercialisation. Producer price of Local Production which refers to ex-factory price is the amount receivable by the producer from the purchaser for a unit of a good produced. It excludes indirect taxes such as excise duties, sales and services tax (SST) and any transport charges invoiced separately by the producer. As for goods produced, processed or assembled in Malaysia, producer prices refer to prices which are net of discounts and rebates given by the manufacturers and net of freight by hired transport and other transport costs between producer and purchaser.

The cost of transport for establishments which do not hire transport services but utilise their own transport facilities normally forms part of the cost of the item, are included as they are difficult to segregate.

Weights

The weights for PPI calculations are obtained from the 2016 Economic Census and other alternative data sources of data for the value of production from the PPI reference month of January 2018. The PPI weights are generally updated within five years. The weight of the product is determined based on the percentage contribution of the item to the output value in the economy. The weight of the PPI according to MSIC and Commodity Sections are given as follows

Weights by MSIC

Sector (2005=100)	Weights			Sector (2010=100)
	2005	2010	2015	
<i>Agriculture</i>	6.60	8.15	6.730	<i>Agriculture, forestry & fishing</i>
<i>Fishing</i>	0.81			
<i>Mining</i>	9.83	9.67	7.927	<i>Mining</i>
<i>Manufacturing</i>	80.00	78.79	81.571	<i>Manufacturing</i>
<i>Electricity, gas & water supply</i>	2.76	3.05	3.442	<i>Electricity & gas supply</i>
		0.34	0.330	<i>Water supply</i>
Total	100.00	100.00	100.000	Total

Weights by Commodity Section (SITC)

Commodity Section	Weight	
	2010	2015
<i>Food</i>	5.71	7.454
<i>Beverages & tobacco</i>	1.36	1.307
<i>Crude materials, inedible</i>	8.24	5.769
<i>Mineral fuels, lubricants, etc.</i>	24.58	21.075
<i>Animal and vegetable oils & fats</i>	10.29	9.287
<i>Chemicals</i>	8.12	8.557
<i>Manufactured goods</i>	11.21	13.672
<i>Machinery & transport equipment</i>	25.04	25.611
<i>Miscellaneous manufactured articles</i>	5.45	7.268
Total	100.00	100.000

Selection of Products

The selection of the products for the monthly producer price survey is based on their contributions to the total output of the industry. The selected items are representative of their group. The items included in the compilation of the index collectively accounted for at least 85 per cent of the total output of the industry selected.

Selection of Establishments

The selection of establishments is based on their contributions to the total output of the selected industry. The selected establishments are representative of their products. These establishments collectively accounted for at least 85 per cent of the total output of the products selected. The lists of establishments are drawn from the Economic Census 2016 as well as from other supplementary sources. The list of these establishments has been updated every year to consider new establishments and any changes in the status of the establishments such as closed down, non-operation, change in activities, factory location and postal addresses. In 2023, the number of establishments covered are 1,695.

Selection of Commodities

A preliminary survey is conducted to identify the major selling product varieties under each of the commodity item selected as well as detailed description/ specification pertaining to the brand, grade, size and unit of measurement of items produced for price collection purposes. Questionnaires are dispatched to all selected establishments at the initial stage to enquire the following information:

- (a) Regularly produced commodity brands*
- (b) Commodity brands that constitute a significant share of the companies' production*
- (c) Detailed descriptions and specifications of the brands stated in (a) and (b)*
- (d) Brochures/catalogues of the commodity brands*

1,063 commodities are covered from 1,193 establishments for Local Production monthly in the compilation of PPI calculation. These commodities are selected in view of their relative importance within the establishments.

Sources of Data

A total of 5,346 price quotations are collected on a monthly basis, from both establishments and government agencies. Among the government agencies covered by the survey are as follows:

- i. State Water Supply Department*
- ii. Department of Fisheries*
- iii. Department of Veterinary Services*
- iv. Malaysian Rubber Board*

- v. *Malaysian Cocoa Board*
- vi. *Malaysian Pepper Board*
- vii. *Malaysian Palm Oil Board (MPOB)*
- viii. *Federal Agriculture Marketing Authority (FAMA)*
- ix. *Malaysian Timber Industry Board (MTIB)*

Quality Control

A series of checks on the prices received are carried out to ensure their reasonableness, consistency and accuracy. The checking procedures include comparisons of prices supplied for the month against those of the previous months of the same respondents as well as with prices reported by other respondents for the same commodity items. Prices that display unusual variations are clarified with respondents to ensure the accuracy.

Prices quoted in the forms are verified on the ground by field supervisors and these are subjected to further scrutiny in the headquarters. Significant price changes are referred to the field supervisors for verifications and in certain cases, the respondents are directly contacted for clarifications.

The data are subjected to thorough checking before being captured. The staff of the Department of Statistics state office is given training at least once a year regarding procedures, concepts and definitions as well as any changes in the selected items and product specifications.

Methodology Index Calculation

Effective from the reference month of January 2018, Laspeyres chain index method is used in the calculation of the PPI which employs December 2017 as the link month. PPI are calculated as a chain of fixed-basket indices. This means that a sequence of fixed-basket indices has been chained together to create a continuous time series. This is necessary to avoid having breaks in an index when a basket update is performed.

In order to chain indices across baskets, weights for the old and new baskets must be expressed at the prices of a common period. This common period is called as the link month. The IHPR basket of Local Production is using the old basket (2010=100) and the product is updated with weight to become a new basket (2015=100).

In the month following the basket link month, price indices calculated using the new basket are multiplied by the index levels previously published for the old basket.

$$p_{t/10}^{ch} = p_{t/15}^{new} \times \left(\frac{p_{D17/10}^{previous}}{p_{D17/15}^{new}} \right)$$

Where

$p_{t/10}^{ch}$ = is a chain index that measures price changes from 2010 to any period until December 2017

$p_{t/D15}^{new}$ = is a new series composite index comparing prices at any period t to December 2017

$p_{D17/10}^{previous}$ = Is a previous series composite index comparing prices for December 2017

$p_{D17/15}^{new}$ = is a new series composite index comparing prices for December 2017 to 2015 prices

In the case of the chain index, the weighted averages of indices of lower level groups or items do not match those of the corresponding upper level groups (the chain index has no additivity).

Rate of Change

A rate of change representative of movement in prices may be derived in several ways. The current method of calculating PPI use three measures of change, i.e. the percentage change between any given month and the same month a year ago (year-on-year); the current month over previous month (month-on-month) and the percentage change between annual average for the specific current year to the same fixed period on the previous year. The following example illustrates the computation of index point and percentage change.

Index Point Change		Percentage Change	
Producer Price Index	125.4	Index point difference divided by	
Less Previous Index	124.3	the previous index, multiplied by	
	-----	one hundred	
Equal to	1.1	$\frac{125.4 - 124.3}{124.3} \times 100$	

		= 0.9 %	

Seasonal Adjustment

Time-series data are very useful for economists, policy & decision makers and time-series analysts to identify the important features of economic series such as direction, turning point and consistency between other economic indicators. Sometimes this feature is difficult to observe because of seasonal movements. Thus, if the seasonal effect can be removed, the behaviour of the series would be better viewed. The estimation and removal of the seasonal effects is called seasonal adjustment.

Seasonal adjustment is a process to identify and to remove the regular within-a-year seasonal pattern, which may also include the influences of moving holidays and working/trading days effect in each period. The ultimate objective of the process is to highlight the underlying trends and short-term movements in the series.

In Malaysia, most of the time series data are influenced by seasonal effects. Hence, to eliminate the seasonal effect as well as to seasonally adjust the Malaysian economic time series data, a standard seasonal adjustment package, X-12 ARIMA was used by Department of Statistics, Malaysia. Malaysian economic time series data also often affected by major religious festivals such as Eid-ul Fitr for Muslims, Chinese New Year to the Chinese and the

Indian Deepavali. These festivals' dates are fixed according to the lunar year but vary according to the Gregorian calendar. Therefore, to estimate and remove moving holiday effect from time-series data, a procedure was developed, namely Seasonal Adjustment for Malaysia (SEAM).

Frequency of Compilation

The PPI is compiled for each calendar month while the quarterly and annual indices are computed from the monthly series.

Confidentiality Requirement

The data used for the compilation of PPI have been collected under the provisions of the Statistics Act 1965 (Revised-1989). The Act stipulates that the contents of individual return are confidential. In conformity with the stipulations of th is Act, only aggregated figures are published.

Symbols and Abbreviations

-	<i>negative sign</i>
etc	<i>et cetera</i>
n.e.c	<i>not elsewhere classified</i>
n.a	<i>not applicable</i>

KANDUNGAN

CONTENT

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN

SERVICES PRODUCER PRICE INDEX

01	Sepintas Lalu89 <i>Snapshot</i>90
02	Ringkasan Penemuan93 <i>Summary of Findings</i>99
03	Jadual IHPRP107 <i>SPPI Tables</i>107
04	Nota Teknikal115 <i>Technical Notes</i>122

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN

SERVICES PRODUCER PRICE INDEX

Jadual Table		Muka Surat Page
1	Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengikut Seksyen (MSIC 2008), Malaysia 2011-2023 <i>Services Producer Price Index (SPPI) by Section (MSIC 2008), Malaysia 2011-2023</i>	107
2	Peratus Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengikut Seksyen (MSIC 2008), Malaysia 2011-2023 <i>Annual Percentage Change of Services Producer Price Index (SPPI) by Section (MSIC 2008), Malaysia 2011-2023</i>	107
3	Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengikut Seksyen, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023 <i>Services Producer Price Index (SPPI) by Section, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023</i>	108
4	Peratus Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengikut Seksyen, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023 <i>Annual Percentage Change Services Producer Price Index (SPPI) by Section, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023</i>	110



SEPINTAS LALU

SNAPSHOT





@StatsMalaysia



INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), 2023

Pengangkutan



2023 : 2.9%
2022 : 3.0%
2021 : -0.2%

Penginapan & aktiviti perkhidmatan makanan & minuman



2023 : 5.6%
2022 : 5.4%
2021 : 1.4%

Maklumat & telekomunikasi



2023 : 0.0%
2022 : 0.0%
2021 : 0.0%

Aktiviti hartanah



2023 : 0.2%
2022 : 0.2%
2021 : 0.9%

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) meningkat 2.1 peratus pada 2023

IHPRP MENGIKUT SUBSEKTOR

Profesional



2023 : 0.4%
2022 : 0.4%
2021 : 0.0%

Pendidikan



2023 : 1.0%
2022 : 0.9%
2021 : 0.5%

Kesihatan



2023 : 0.3%
2022 : 0.3%
2021 : 0.5%

Kesenian, hiburan & rekreasi



2023 : 2.3%
2022 : 4.3%
2021 : -0.1%

2.1%

2023

2.1%

2022


0.3%

2021

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, 2011-2023

Indeks

Perubahan Peratus (%)



Sumber: Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



**AGRICULTURE
CENSUS 2024**
KEY TO AGRICULTURAL DEVELOPMENT



**MALAYSIA
MADANI**



SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), 2023

Transportation



2023 : 2.9%
2022 : 3.0%
2021 : -0.2%

Accommodation and food & beverage service activities



2023 : 5.6%
2022 : 5.4%
2021 : 1.4%

Information & communication



2023 : 0.0%
2022 : 0.0%
2021 : 0.0%

Real estate activities



2023 : 0.2%
2022 : 0.2%
2021 : 0.9%

**Services
Producer Price
Index (SPPI)
increased
2.1 per cent
in 2023**

SPPI BY SUBSECTOR

Professional



2023 : 0.4%
2022 : 0.4%
2021 : 0.0%

Education



2023 : 1.0%
2022 : 0.9%
2021 : 0.5%

Health



2023 : 0.3%
2022 : 0.3%
2021 : 0.5%

Arts, entertainment & recreation



2023 : 2.3%
2022 : 4.3%
2021 : -0.1%

2.1%

2023


2.1%

2022

0.3%

2021

SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, 2011-2023






RINGKASAN PENEMUAN

***SUMMARY OF
FINDINGS***




Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Keseluruhan 2023

Carta 1: IHPRP Perubahan Tahunan, 2011-2023




Carta 2: IHPRP Suku Tahun, 2021-2023



Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) meningkat 2.1 peratus pada 2023, sama seperti 2022. IHPRP berada dalam julat daripada pertumbuhan terendah yang dicatatkan pada 2021 (0.3%) kepada pertumbuhan tertinggi yang dicatatkan pada 2022 dan 2023 (2.1%). Secara keseluruhan pada 2023, SPPI merekodkan 3.4 peratus pada Suku Tahun Pertama (ST1) 2023 dan mengekalkan momentum positif dengan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan untuk suku tahun yang lain. IHPRP meningkat 2.7 peratus pada ST2 2023 dan terus meningkat 1.4 peratus (ST3 2023) dan 1.0 peratus (ST4 2023).

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan mengikut Subsektor

Paparan 1: Perubahan Peratus Tahunan SPPI, 2021 - 2023




IHPRP mencatatkan purata 115.1 mata pada tahun 2023, peningkatan sebanyak 2.1 peratus, sama seperti yang dicatatkan pada tahun 2022. Semua subsektor merekodkan peningkatan pada tahun ini kecuali indeks Maklumat & komunikasi yang kekal tidak berubah. Subsektor Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 5.6 peratus (2022: 5.4%) manakala Pengangkutan merekodkan kenaikan 2.9 peratus (2022: 3.0%). Pada masa yang sama, subsektor lain yang mencatatkan peningkatan adalah Kesenian, hiburan & rekreasi (2.3%), Pendidikan (1.0%), Profesional (0.4%), Kesihatan (0.3%) dan Aktiviti hartanah (0.2%). **[Paparan 1]**

Pengangkutan


Subsektor Pengangkutan mencatatkan peningkatan 2.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.0 peratus pada tahun 2022. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh indeks Pengangkutan penumpang udara (10.0%) dan Aktiviti pos (3.3%). Manakala kedua-dua indeks Pengangkutan darat lain dan Aktiviti kurier masing-masing meningkat sebanyak 0.7 peratus diikuti oleh Pengangkutan air laut & pesisir pantai yang meningkat 0.2 peratus. Namun begitu, indeks Pengangkutan muatan udara mencatatkan penurunan negatif 0.2 peratus. **[Paparan 2]**

Paparan 2: Perubahan Peratus Tahunan Subsektor Pengangkutan, 2021 - 2023



Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman

Paparan 3: Perubahan Peratus Tahunan Subsektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman, 2021 - 2023



Pada 2023, indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 5.6 peratus berbanding 5.4 peratus pada 2022. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh indeks Restoran & aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (6.4%) dan Aktiviti perkhidmatan minuman (5.6%). Sementara itu, indeks Aktiviti penginapan jangka masa pendek dan Katering & aktiviti perkhidmatan makanan lain juga masing-masing mencatatkan peningkatan 1.6 peratus dan 1.0 peratus. **[Paparan 3]**

Maklumat & Komunikasi

Subsektor Maklumat & komunikasi pada 2023 kekal tidak berubah sama seperti dicatatkan pada 2022. Namun begitu, indeks Aktiviti prosesan data, hosting & yang berkaitan; Web portal meningkat 0.1 peratus, manakala indeks bagi Pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti berkaitan menurun negatif 0.3 peratus.

Aktiviti Hartanah

Subsektor Aktiviti hartanah meningkat 0.2 peratus pada 2023, sama seperti yang dilaporkan pada 2022. Peningkatan ini disokong oleh Aktiviti hartanah atas dasar bayaran atau kontrak (0.2%).

Profesional

Subsektor Profesional meningkat 0.4 peratus pada tahun ini, sama seperti yang dilaporkan pada 2022. Peningkatan ini disokong oleh Aktiviti perakaunan, simpan kira & audit; perundingan percukaian (0.6%), Aktiviti arkitek dan kejuruteraan & perundingan teknikal yang berkaitan (0.4%) dan Aktiviti guaman (0.2%).

Pendidikan

Subsektor Pendidikan meningkat 1.0 peratus pada 2023 berbanding 0.9 peratus pada 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh indeks Pendidikan menengah (1.9%), Pendidikan pra-sekolah & rendah (1.1%), Pendidikan tinggi (1.0%) dan Pendidikan lain (0.2%). **[Paparan 4]**


Paparan 4: Perubahan Peratus Tahunan Subsektor Pendidikan, 2021 - 2023



Kesihatan

Subsektor Kesihatan meningkat 0.3 peratus pada 2023 (2023: 0.3%). Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks Aktiviti amalan perubatan & pergigian (0.5%), Aktiviti kesihatan kemanusiaan lain (0.3%) dan Aktiviti hospital (0.2%). **[Paparan 5]**


Paparan 5: Perubahan Peratus Tahunan Subsektor Kesihatan, 2021 - 2023



Kesenian, Hiburan & Rekreasi

Subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi mencatatkan peningkatan 2.3 peratus pada tahun 2023 berbanding 4.3 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kedua-dua indeks Aktiviti perjudian & pertaruhan dan Aktiviti hiburan & rekreasi lain yang masing-masing mencatatkan kenaikan sebanyak 2.5 peratus. Indeks Aktiviti sukan juga meningkat 1.2 peratus. **[Paparan 6]**

Paparan 6: Perubahan Peratus Tahunan Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi, 2021 - 2023



Overall Services Producer Price Index in 2023

Chart 1: Yearly Changes SPPI, 2011-2023






Chart 2: Quarterly SPPI, 2021-2023



The Services Producer Price Index (SPPI) increased 2.1 per cent in 2023, similar to 2022. SPPI ranged from the lowest growth recorded in 2021 (0.3%) to the highest growth posted in 2022 and 2023 (2.1%). Overall in 2023, SPPI recorded 3.4 per cent in Q1 2023 and keep positive momentum with a slower growth rate for the rest of quarters in the year. SPPI increased by 2.7 per cent in Q2 2023 and continued to increase by 1.4 per cent (Q3 2023) and 1.0 per cent (Q4 2023).

Services Producer Price Index by Subsector

Exhibit 1: Annual Percentage Change of SPPI, 2021 - 2023




SPPI averaged 115.1 points in 2023, an increase of 2.1 per cent, the same rate as recorded in 2022. All subsectors recorded an increase this year, except the Information & communication which remained unchanged. Accommodation and food & beverage service activities subsector rose by 5.6 per cent (2022: 5.4%), while Transportation went up by 2.9 per cent (2022:3.0%). In the meantime, the other subsectors that recorded increases were Arts, entertainment & recreation (2.3%), Education (1.0%), Professional (0.4%), Health (0.3%) and Real estate activities (0.2%). **[Exhibit 1]**

Transportation


The Transportation subsector recorded an increase of 2.9 per cent in 2023 as against 3.0 per cent in 2022. The increase was mainly due to Passenger air transport (10.0%) and Postal activities (3.3%) indices. Meanwhile, Other land transport and Courier activities indices both inched up by 0.7 per cent, followed by Sea & coastal water transport, which increased by 0.2 per cent. However, index of Freight air transport recorded a decrease of negative 0.2 per cent. **[Exhibit 2]**

Exhibit 2: Annual Percentage Change of Transportation Subsector, 2020 -2023



Accommodation and Food & Beverage Service Activities

Exhibit 3: Annual Percentage Change of Accommodation and Food & Beverage Service Activities, 2021 - 2023



In 2023, the index of Accommodation and food & beverage service activities edged up 5.6 per cent as compared to 5.4 per cent in 2022. The increase was mainly contributed by index of Restaurants & mobile food service activities (6.4%) and Beverage serving activities (5.6%). Meanwhile, Short-term accommodation activities and Event catering & other food service activities indices also recorded an increase of 1.6 per cent and 1.0 per cent, respectively. [Exhibit 3]

Information & Communication

Information & communication subsector in 2023 remained unchanged as recorded in 2022. However, the index of Data processing, hosting & related activities; web portals increased by 0.1 per cent, while Computer programming, consultancy & related activities index decreased by negative 0.3 per cent.

Real Estate Activities

Real estate activities subsector increased by 0.2 per cent in 2023, the same rate recorded in 2022. This was contributed by Real estate activities on a fee or contract basis (0.2%).


Professional

The Professional subsector increased by 0.4 per cent this year, the same recorded in 2022. The increase was contributed by Accounting, bookkeeping & auditing activities; tax consultancy (0.6%), Architectural and engineering activities & related technical consultancy (0.4%) and Legal activities (0.2%).

Education

The Education subsector went up 1.0 per cent in 2023 as compared to 0.9 per cent in 2022. The increase was attributed to the index of Secondary education (1.9%), Pre-primary & primary education (1.1%), Higher education (1.0%) and Other education (0.2%). [Exhibit 4]


Exhibit 4: Annual Percentage Change of Education Subsector, 2021 - 2023



Health

The Health subsector inched up 0.3 per cent in 2023 (2022: 0.3%). The increase was contributed by the index of Medical & dental practice activities (0.5%), Other human health activities (0.3%) and Hospital activities (0.2%). **[Exhibit 5]**

Exhibit 5: Annual Percentage Change of Health Subsector, 2021 - 2023




Arts, Entertainment & Recreation

The Arts, entertainment & recreation subsector registered an increase of 2.3 per cent in 2023 as compared to 4.3 per cent in the previous year. The increase was driven by both Gambling & betting activities and Other amusement & recreation activities indices, which recorded an increase of 2.5 per cent respectively. Index of Sports activities also increased by 1.2 per cent.

[Exhibit 6]

Exhibit 6: Annual Percentage Change of Arts, Entertainment & Recreation Subsector, 2021 - 2023





JADUAL IHPRP

SPPI TABLES



Jadual Table 1	Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengikut Seksyen (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2023 <i>Services Producer Price Index (SPPi) by Section (MSIC 2008), Malaysia 2011-2023</i>
-------------------------------	--

IHPRP mengikut Seksyen SPPI by Section	Kod Code	Wajaran Weight	2010=100													
			2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	
Jumlah Total		100.0	101.4	102.9	103.5	104.3	105.6	106.7	107.9	108.9	109.6	110.1	110.4	112.7	115.1	
Pengangkutan Transportation	H	22.4	100.7	102.5	102.9	102.2	103.2	103.5	103.1	103.5	103.8	104.7	104.5	107.6	110.7	
